

Artikel Asli

# Memposisi Nilai Dalam Kerangka Demokrasi Di Malaysia: Satu Kajian Tinjauan

Hairol Anuar Hj Mak Din<sup>1</sup>, Zakaria Stapa<sup>2</sup>, Ahmad Munawar Ismail<sup>2</sup>,

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 4 Mei 2016

Disemak: 22 Mei 2016

Diterbit : 31 Mei 2016

\*Corresponding Author: Hairol Anuar Mak Din, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor, Malaysia;  
Email:  
hairolanuar@kuis.edu.my

**Abstract:** The position of values in political system is significant to discuss. Based on Political System Model of David Easton, value and its function prevailed to be important. The absence of value in political framework may destabilize democratic function, even though Malaysian Federal Constitution upholds its tenets. Therefore, this article extensively repositions values as most relevant tenet in sub framework democracy in Malaysia.

**Keyword:** Value, Politics, Democracy

**Abstrak:** Keberadaan nilai dalam sistem politik begitu signifikan. Berbekalkan rujukan terhadap Model Sistem Politik oleh David Easton sumber primier ini telah melakarkan kepentingan nilai beserta peranannya dalam proses pengagihan dalam sistem politik. Hal ini berpunca kerana kehilangan nilai dalam kerangka politik berupaya mengundang risiko ketidakstabilan terhadap kerukunan masyarakat rentetan daripada kerapuhan terhadap pendekatan demokrasi semata-mata. Di Malaysia pendekatan politik melalui wadah demokrasi secara sah diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan, namun begitu proses terhadap pendekatan ini yang telah diamalkan sebenarnya mengundang beberapa persoalan yang perlu dibincangkan dengan lebih serius. Justeru artikel ini secara ekstensif memposisikan nilai sebagai kompas yang begitu relevan dalam sub-kerangka demokrasi di Malaysia.

**Kata kunci:** Nilai, Politik, Demokrasi


## Pengenalan

Keseimbangan di antara jumlah sokongan yang diterima dengan jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihan raya merupakan matlamat yang terpenting dalam kerangka demokrasi moden. Ia melambangkan hasrat pengundi yang memilih kepimpinan politik dan jumlah sokongan terhadap sesebuah parti diterjemahkan melalui bilangan kerusi yang diperolehi dalam Parlimen dan sekaligus melayakkan parti tersebut untuk memerintah negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Malaysia

mengaplikasikan sistem majoriti mudah ‘First-past-the-post’ berdasarkan ‘single member constituencies’ dalam proses pilihan raya. Lanjutan itu, Amer Saifude (2009) menghuraikan konsep terhadap sistem ini dengan merujuk kepada calon yang mendapat undi terbanyak walaupun berbeza hanya satu undi sahaja adalah pemenang. Sehubungan dengan itu, artikel ini memfokuskan berkenaan kewujudan nilai di dalam kerangka demokrasi adalah begitu signifikan (Hairol Anuar 2014). Berteraskan panduan kepada ‘Model Sistem Politik’ yang mengetengahkan proses terhadap pengagihan nilai dalam kerangka politik di mana teori ini

adalah berbentuk mekanisme input dan output yang melibatkan tuntutan-tuntutan di satu pihak dan keputusan-keputusan di pihak yang lain (David Easton 1965).

Rajah 1 Model Sistem Politik



Dipetik dan diubahsuai daripada 'A Framework for Political Analysis' (David Easton 1965)

Rajah di atas menzahirkan empat sisi utama model sistem politik ini, iaitu; a) suasana sekeliling dalam mana sistem itu bergerak, b) input, c) output, dan d) maklum balas. Pendekatan sistem dan pengagihan (atau peruntukan) nilai ini menurut Syed Ahmad Hussein (1996) sangat berpengaruh dengan melihat politik sebagai satu sistem yang mengandungi berbagai struktur yang berhubung di antara satu sama lain.

Pendekatan politik melalui penulisan ini ditakrifkan sebagai satu proses dalam institusi kemasyarakatan di mana nilai-nilai yang terhad diagihkan oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, nilai di sini boleh dimaknakan sebagai sesuatu yang dianggap sebagai bernilai, atau berharga, dan sememangnya dimahukan oleh isi masyarakat. Manakala pengagihan nilai pula dilakukan oleh pihak berkuasa yang dilantik melalui praktis sistem politik, kaedah pengagihan nilai yang dilakukan oleh pihak berkuasa ini dipanggil sebagai proses politik, manakala proses politik ini berlaku dalam satu kerangka politik. Di dalam sistem demokrasi inilah nilai-nilai dalam masyarakat diagihkan dan politik itu berlaku.

Kemelut sosial mulai timbul dan menzahirkan kepelbagaiannya corak permasalahan dalam kalangan masyarakat apabila nilai-nilai ini sebenarnya terhad manakala permintaan dan tuntutan untuknya pula melebihi kemampuan dan keupayaan yang ada. Justeru, adalah mustahil untuk individu atau kolektif masyarakat boleh mendapatkan semua nilai yang diingininya secara serentak. Oleh sebab itu, sekian isi dalam masyarakat perlu bersaing, malah berkonflik untuk mendapatkan nilai-nilai yang tertentu ini. Rentetan daripada polemik ini, nilai-nilai yang terhad ini perlu diagihkan secara rasional dalam kalangan ahli dan kumpulan masyarakat.

Perubahan dunia yang dikawal oleh Barat pada masa ini telah menetapkan bahawa sebuah negara yang diiktiraf perlu melibatkan pemilihan kerajaan mereka di dalam sistem demokrasi yang sebenarnya tiada skima yang tetap. Walaupun Islam begitu harmoni dengan sistem ini, namun setiap isi masyarakat perlu bertanggungjawab terhadap setiap zarah tindakan mereka termasuk dalam perkiraan pemilihan kepimpinan politik (Hairol Anuar 2014).

Ketaksuhan dalam mendokong prinsip demokrasi telah menjerumuskan isi masyarakat dalam negara ini kepada satu kancah politik yang berpanjangan. Kegagalan mengawal kegiatan politik pada setiap peringkat telah mencetuskan pelbagai polemik yang berupaya menjerumuskan negara ke dalam suasana ketidaktentuan. Saban waktu ada sahaja isu politik yang kadang kala sengaja melanggar sempadan rasional pemikiran dan mengundang sentimen yang mengusik nurani masyarakat. Perkara ini terjadi adalah berpunca daripada ketidaaan nilai atau akibat perubahan nilai yang mengundang bersama terhadap kemelut ketidakstabilan politik. Justeru, memposisikan nilai dalam kerangka demokrasi melalui wasilah politik adalah begitu signifikan.

Perspektif sejarah pula telah melakarkan bahawa sebuah ketamadunan itu boleh merosot disebabkan oleh beberapa faktor penyumbang di antaranya adalah berpunca akibat ketidakadilan sosial, wujudnya penindasan dan berleluasannya kezaliman, keruntuhan moral yang tidak terkawal dan kepususan nilai dalam masyarakat, sikap tertutup serta menolak perubahan yang baik, dan bencana alam (Chandra Muzaffar et al. 2001). Berbalik kepada pengajaran yang diambil dari sejarah, maka jatuh atau majunya sebuah negara dalam era kontemporari ini pula adalah bergantung kepada pakej nilai yang terangkum dalam diri pemimpin dan rakyatnya. Oleh yang demikian pengapliksan sistem demokrasi melalui pilihan raya wajar mengetengahkan elemen nilai sebagai panduan utama.

## Metodologi

Umum memperakui nilai adalah sesuatu yang bersifat abstrak. Namun demikian, ia bukan bersifat mustahil untuk diukur. Oleh kerana itu, kajian tinjauan terhadap nilai ini dibuat bukan secara langsung terhadap nilai, tetapi kajian nilai ini dibuat adalah secara tidak langsung. Di dalam teori ketamadunan, konsep tamadun dan budaya mempunyai perhubungan yang rapat kerana menurut Samri Zainuddin (2005) budaya yang tinggi dan terpuji menandakan kehidupan yang bertamadun. Untuk melihat tahap pencapaian tersebut biasanya dilihat dari dua aspek, iaitu; budaya kebendaan (*materialism*) dan budaya bukan kebendaan (*non-material*).

Sehubungan dengan itu, nilai di sini tergolong dalam kumpulan budaya bukan kebendaan. Manakala budaya bukan kebendaan adalah segala sesuatu yang bukan benda yang tidak dapat dipegang tetapi dapat dilihat dan dirasa (Rohana Yusuf 1997). Selain daripada nilai, bentuk atau elemen budaya jenis ini ialah seperti pengetahuan, falsafah, kepercayaan, sistem kekeluargaan, undang-undang, dan akhlak.

Oleh yang demikian, metod penulisan ini adalah tertumpu kepada aplikasi penyelidikan gaya kuantitatif yang menjurus kepada kaedah tinjauan. Penggunaan teknik tinjauan ini dengan mengimplementasikan teknik soal selidik pada penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada rasional Mohd Majid (2000).

## Keputusan & Perbincangan

Seramai 544 orang responden yang terlibat di dalam kajian ini dengan corak pemilihan sampel menggunakan teknik ‘persampelan bertujuan’ dengan penentuan sampel berdasarkan jadual penentu sampel Krejcie & Morgan (1970). Pembinaan set soalan mendapat persetujuan pakar rujuk yang dilantik dan pengesahan kebolehlaksanaan kajian ini adalah hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan, dengan penentuan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian dibuat dengan mengenalpasti tahap ketekalan dalam item-item yang digunakan dengan mempraktikkan: a) Kaedah Pemisahan Separa (Nilai Pekali Korelasi) dan b) Kaedah Konsistensi Dalaman (Pekali Alfa Cronbach) dengan menggunakan Program SPSS. Dapatkan kajian telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan peratus, min, dan sisihan piawai.

Rajah 2 Analisa Deskriptif

Soal Selidik	Skor Minimum	Skor Maksimum	Min	Sisih Piawai
<b>Hubungan Nilai dengan Kepimpinan Politik</b>				
Kepentingan Pemimpin Politik Dalam Kehidupan (Bil Item: 10)	1.00	5.00	3.75	.402
Peranan Nilai Di Dalam Memilih Kepimpinan Politik (Bil Item: 32)	2.00	4.88	3.13	.464
Peranan Nilai Sebagai Faktor Utama (Bil Item: 11)	1.36	5.00	3.81	.563

Jadual di atas berkenaan kepentingan pemimpin politik dalam kehidupan, terdapat 10 item soalan yang

dikemukakan dan penemuan kajian telah mendapati bahawa enam item berada di dalam skor min yang membawa bacaan interpretasi tinggi dan empat item yang membawa bacaan interpretasi sederhana tinggi. Item soalan berkenaan “*pemilihan kepimpinan politik pada masa kini adalah penting untuk generasi masa hadapan*” mencatatkan bacaan yang tinggi ( $\text{min}=4.42$ , sisihan piawai=0.61) dan item yang paling rendah skor min namun masih lagi di dalam ruangan interpretasi sederhana tinggi adalah item soalan berkenaan “*saya tidak percaya dengan sistem politik*” ( $\text{min}=3.13$ , sisihan piawai=1.10).

Dapatkan kajian terhadap peranan nilai di dalam memilih kepimpinan politik yang merangkumi 32 item soalan telah menemukan enam item yang mencatatkan bacaan di dalam skor min yang membawa maksud interpretasi tinggi dan 26 item pula yang membawa bacaan interpretasi sederhana tinggi. Di dalam bahagian ini item soalan terhadap “*pemimpin politik perlu ditegur/dijatuhkan seandainya bertindak zalim*” mencatatkan bacaan yang tinggi ( $\text{min}=4.41$ , sisihan piawai=0.74) dan item yang mencatatkan bacaan paling rendah skor min namun masih lagi di dalam ruangan interpretasi sederhana tinggi adalah item soalan berkenaan “*pemberian wang semasa proses pilihan raya adalah sesuatu yang tidak salah*” ( $\text{min}=3.05$ , sisihan piawai=1.43).

Penemuan kajian terhadap peranan nilai sebagai faktor utama memperlihatkan bahawa daripada 11 item soalan yang dikemukakan didapati tiga item berada di dalam skor min yang membawa bacaan interpretasi tinggi dan lapan item yang membawa bacaan interpretasi sederhana tinggi. Di sini item soalan berkenaan “*sewajarnya pemilihan kepimpinan politik tidak mengundang perpecahan dalam kalangan umat Islam*” melakarkan bacaan yang tinggi iaitu  $\text{min}=4.30$ , sisihan piawai=0.79 manakala item yang paling rendah skor min namun masih lagi di dalam ruangan interpretasi sederhana tinggi adalah item soalan berkenaan “*saya berusaha mempengaruhi rakan-rakan/keluarga saya untuk memilih pemimpin politik yang saya suka*” ( $\text{min}=3.25$ , sisihan piawai=1.06).

Berdasarkan penemuan dan dapatan kajian, rumusan terhadap artikel ini secara keseluruhannya mengesahkan bahawa nilai amat signifikan di dalam kerangka demokrasi di Malaysia khususnya dalam konteks pemilihan kepimpinan politik. Analisa kajian ini menemui sememangnya terdapat perhubungan yang relevan terhadap peranan nilai sebagai faktor utama/penentu di dalam memilih kepimpinan politik. Penemuan data turut memperakui bahawa masyarakat masih mempercayai sistem politik dan akan menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi di dalam pilihan raya.

Seperkara yang wajar diketengahkan adalah

penemuan kajian yang turut mengesahkan bahawa sememangnya wujud jalinan yang signifikan berkenaan politik dalam kalangan bangsa Melayu. Golongan muda yang terpelajar di dalam kalangan kelas menengah Melayu masih berpegang kepada pandangan bahawa penguasaan politik mesti di tangan Melayu (71.5 peratus, min=3.96, SP=1.07). Rumusan kajian mendapati bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan terhadap kepentingan politik dalam kalangan bangsa Melayu, hal ini sejajar dengan pandangan majoriti pengkaji politik yang mencadangkan komposisi etnik adalah nilai penting dalam suasana politik Malaysia.

Penemuan elemen ketirisan nilai terhadap kepercayaan sistem politik dalam kalangan pengundi melalui kadar yang mendaftar sebagai pengundi semakin rendah dan penglibatan di dalam proses pengundian turut memperlihatkan kadar penurunan, walaupun di dalam kajian ini kelihatan terkawal. Namun hal ini sebenarnya boleh menyebabkan masalah terhadap sistem politik dan amalan demokrasi. Kajian lanjutan boleh dicadangkan dengan mencari sebab dan kenapa hal ini boleh terjadi.

Walaupun penemuan kajian turut mendapati bahwa elemen nilai amat signifikan dalam kehidupan berpolitik namun berdasarkan pengamatan didapati amat jarang perbincangan dan penganalisaan politik menjurus kepada persoalan nilai yang menjadi pegangan pengundi. Rata-rata para pengkaji amat ghairah mengira bilangan undi, tetapi di dalam sempadan yang sama, penulisan ini cuba menjulang kepada persoalan yang lebih teras iaitu sebab kepada pengundian itu dibuat. Justeru, pengesyoran dibuat agar elemen nilai turut dikira agar menjadi aspek penting di dalam sebarang siri kajian khususnya berkaitan politik dan sistem demokrasi.

## Kesimpulan

Sepanjang 57 tahun kemerdekaan dan sebanyak 13 siri Pilihan Raya Umum diadakan, senario pilihan raya di Malaysia semakin lama semakin menarik untuk dikaji dan sehingga hari ini kajian terus menerus dilakukan dengan tema-tema yang berlainan sama ada oleh pengkaji tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Oleh kerana itu, penemuan kajian ini amat relevan di dalam menilai sisi lain terhadap sistem politik yang berlangsung di dalam negara ini dan mempunyai perkaitan dengan peradaban. Survival sistem politik melalui wadah demokrasi, dikaji melalui penumpuan dan penekanan terhadap nilai yang begitu penting di dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana pemahaman dan penghayatan nilai sangat berkait rapat dengan maju atau mundurnya sesebuah negara.

## Rujukan

- Amer Saifude (2009) *Geografi Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pilihan Raya Malaysia 1959-2008*. Kuala Lumpur: UM.
- Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah, Hashim HJ Musa dan Mohd Zuhdi. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Easton, D. 1965. *A Framework for Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hairol Anuar. 2009. *Sejarah Malaysia 1400-1969: Satu Evolusi*. Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Hairol Anuar. 2010. *Pengajaran Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme* (Edisi Kedua). Bandar Seri Putra: Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Akademik KUIS.
- Hairol Anuar. 2014. *Signifikan nilai di dalam memilih kepimpinan politik dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca DEB*. Tesis PhD Peradaban Islam UKM
- Krejcie, R.V., dan Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities*. Educational Psychological Measurement, 30,608.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Rohana Yusuf. 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Samri Zainuddin. 2005. *Teori Ketamadunan*. Kertas Kerja Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Anjuran Jawatankuasa Induk Kursus TITAS dan IPT Dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. UiTM, 2005.
- Syed Ahmad Hussein. 1996. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: DBP.